

Ruj. Kami : PMS/UP/656-2 JLD.2/(10)

Tarikh : 27 November 2000

Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Sabah Dan W.P. Labuan.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan W.P. Labuan.

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 19 TAHUN 2000**

TUNTUTAN PERJALANAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/ Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) telah menerima banyak permohonan untuk mendapatkan kelulusan berkaitan dengan Arahan Perbendaharaan 100(a) berhubung dengan tuntutan perjalanan pegawai awam yang perlu dikemukakan tidak lewat daripada 10 haribulan dalam bulan yang berikutnya. Semasa menyemak dan meneliti permohonan-permohonan berkaitan, Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) telah menemui Tuntutan-Tuntutan Perjalanan yang menimbulkan keraguan dari segi kejujuran maklumat tuntutan yang dibuat. Dalam erti kata lain ada unsur-unsur ketidaksucian akhlak (*morally wrong*) di kalangan pegawai Kerajaan yang membuat Tuntutan Perjalanan kerana bertugas rasmi.

3. Diantara contoh-contoh Tuntutan Perjalanan yang boleh digolongkan sebagai ada ketidaksucian akhlak (*morally wrong*) ialah seperti:-

- 3.1. Terdapat dua (2) orang pegawai yang terdiri daripada seorang Pembantu Tadbir (Kewangan/Akaun) dan seorang pegawai telah datang berurusan dengan Jabatan Akauntan Negara pada tarikh dan waktu yang sama dari satu jabatan. Urusan-urusan yang dinyatakan di dalam borang Tuntutan Perjalanan ialah untuk menghantar baucer atau mengambil cek. Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) berpendapat untuk urusan demikian hanya memerlukan seorang pekerja sahaja;
- 3.2. Terdapat kekerapan berulangnya kedatangan Pembantu Tadbir (Kewangan/Akaun) yang sama hadir di Jabatan Akauntan Negara dan Ibu Pejabatnya setiap hari pada sebelah pagi dan petang;

- 3.3. Terdapat ketidaksihlian atau kawalan perjalanan Pembantu Tadbir (Kewangan/Akaun) yang berurusan sama ada di Jabatan Akauntan Negara atau di Ibu Pejabatnya di Kota Kinabalu iaitu pada sebelah pagi menjalankan tugas rasmi dengan membuat perjalanan ke Jabatan Akauntan Negara dan pada sebelah petang pergi ke Ibu Pejabat dengan melakukan perjalanan dua (2) kali yang berasingan;
- 3.4. Terdapat perjalanan pegawai yang menuntut tambang teksi walau pun tuntutan perbatuan kenderaan lebih menjimatkan bagi perjalanan di sekitar Kota Kinabalu dan tuntutan sebegini diragui kerana pegawai yang menuntut mempunyai kenderaan sendiri;
- 3.5. Terdapat perjalanan pegawai yang menuntut tambang teksi untuk perjalanan di sekitar Kota Kinabalu dan kawasan-kawasan berdekatan pada hal di dalam waktu yang sama terdapat banyak kereta jabatan yang tidak digunakan. Pegawai seharusnya menggunakan kereta Jabatan di dalam perjalanan itu;
- 3.6. Terdapat pegawai semasa menjalankan tugas rasmi di luar pejabat menggunakan perkhidmatan teksi untuk bergerak dari satu destinasi ke destinasi yang berdekatan yang mana tuntutan tambang lebih mahal jika dibandingkan dengan jumlah kos jika jabatan menyewa kenderaan;
- 3.7. Terdapat tuntutan bertindih yang mana pegawai tidak wajar lagi membuat tuntutan. (Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bilangan 15 Tahun 2000 mengenai Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Semasa Bertugas Rasmi, telah dikeluarkan);
- 3.8. Diselitkan urusan-urusan Persatuan dan Kelab untuk dijadikan urusan rasmi supaya pegawai boleh membuat Tuntutan Perjalanan.

4. Sehubungan dengan itu Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) berharap agar semua Ketua-Ketua Jabatan dapat merancang, mengawal, menyelia dan menyelaras semua jadual masa dan kaedah perjalanan pegawai yang menjalankan tugas rasmi. Perancangan, pengawalan, pemantauan, penyeliaan dan penyelarasan yang teratur amat penting supaya perbelanjaan wang awam yang telah diperuntukkan kepada jabatan dapat dibelanjakan secara terbaik serta berhemah.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

T.T

(DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah.